

# UMS latih agensi kerajaan kenal, urus cendawan toksik

UB 8.8.2019 E

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) komited dalam memberi perkongsian ilmu serta latihan berkaitan pengenalan dan pengurusan cendawan toksik khususnya di Sabah kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan serta komuniti setempat.

Usaha itu dilakukan melalui penganjuran Kursus Cendawan Toksik di Sabah: Pengenalan dan Pengurusan 2019 yang dianjurkan IBTP buat kali kedua dengan kerjasama Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaya (UMCares).

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Profesor Madya Ts Dr Ramzah Dambul berkata, penyelidikan kulat merupakan salah satu daripada 'niche' UMS di bawah bidang penyelidikan Biodiversiti dan Kelestarian Alam Sekitar dengan penekanan mengenai kulat yang boleh dimakan.

"Oleh itu, IBTP mengambil inisiatif mengadakan Kursus Cendawan Toksik

untuk pengajaran dan kesedaran kepada masyarakat serta melatih agensi kerajaan terlibat seperti inspektor kesihatan, renjer hutan dan masyarakat luar bandar mengenai cendawan yang boleh dimakan dan tidak boleh dimakan.

"Kursus ini dijalankan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai cendawan dan toksin yang terkandung dalam cendawan serta cendawan yang digunakan dalam bidang perubatan terutama dalam bidang kulinari dan terapeutik, di samping memberi latihan pengecaman dan kurasi cendawan kepada para peserta," katanya dalam ucapan perasmian penutupan kursus itu di Bilik Seminar IBTP.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMS Profesor Madya Dr Normah Awang Besar.

Ramzah turut memaklumkan bahawa seramai 64 orang daripada pelbagai latar belakang dan jabatan sep-

erti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Pejabat Kesihatan Papar, Pejabat Kesihatan Daerah Beluran, Pejabat Kesihatan Kudat, Pejabat Kesihatan Daerah Pitas, Koperasi Pembangunan Desa, Jabatan Hutan Sarawak, Yayasan Sabah dan Komuniti Kampung Gana, Kota Marudu menyertai kursus itu, iaitu peningkatan jumlah penyertaan sebanyak 30 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Penyertaan daripada agensi-agensi ini penting bagi memastikan pengurusan cendawan dapat dijalankan secara sistematik kelak khususnya bagi menangani kes laporan toksik diterima oleh Jabatan Kesihatan di mana-mana daerah yang berkaitan.

"Ini kerana statistik keracunan cendawan yang dilaporkan sehingga 2019 adalah 113 kes dan dua kes kematian adalah di Sabah, dan ini perkara yang harus dipandang serius serta dihindari daripada berlaku," katanya.